

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B. DATO' WIRA MOHD JOHARI BIN  
BAHAROM [ KUBANG PASU ]

**TARIKH :** 16.6.2015

**SOALAN :**

**Dato' Wira Mohd Johari bin Baharom [ Kubang Pasu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bahawa pada tahun 2016, KPM telah menetapkan bahawa pelajar-pelajar yang mengambil SPM diwajibkan lulus Bahasa Inggeris untuk mereka layak mendapat sijil SPM. Sekiranya tidak lulus, mereka tidak akan mendapat sijil SPM. Dalam hal ini apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian dalam memastikan para pelajar mendapat sekurang-kurangnya lulus Bahasa Inggeris dalam peperiksaan SPM 2016 yang melayakkan mereka mendapat sijil SPM.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Melalui Anjakan 2 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, setiap murid perlu menguasai kemahiran Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dan digalakkan mempelajari bahasa tambahan. Bagi menyahut usaha tersebut, mata pelajaran Bahasa Inggeris telah dijadikan kertas wajib lulus peringkat SPM mulai tahun 2016.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara inisiatif daripada KPM untuk membantu murid meningkatkan tahap penguasaan dan pencapaian Bahasa Inggeris adalah:

1. Pelaksanaan program LINUS 2.0, Literasi Bahasa Inggeris untuk menangani masalah literasi Bahasa Inggeris dalam kalangan murid Tahap 1 di sekolah rendah.
2. Pengukuhan penguasaan Bahasa Inggeris di peringkat menengah rendah dilaksanakan di Tingkatan 1 melalui Sistem Set yang memastikan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris adalah berfokus kepada tahap profisiensi murid.
3. Program Peningkatan Penguasaan Bahasa Inggeris SPM (PPPBI SPM) dilaksanakan bagi mempertingkatkan kemahiran pelajar dalam BI di sekolah menengah. Kumpulan sasaran program ini ialah murid Tingkatan 4 dan 5 di 1,191 sekolah ‘hotspots’ di mana peratus gagal dalam peperiksaan SPM BI adalah 23% ke atas. Program ini berfokus kepada kepelbagaian PdP dalam kelas (*Differentiated Teaching and Learning*) dan untuk membolehkan guru BI mengaplikasikan metodologi dan pedagogi pembelajaran yang membezakan antara murid berdasarkan kebolehan mereka supaya mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik, berkesan dan menyeronokkan murid.
4. Sepanjang tahun 2013-2014, Program *Oral Proficiency in English for Secondary Schools* (OPS-English) telah dilaksanakan di 1,014 sekolah seluruh Malaysia, khususnya sekolah di luar bandar yang

berada dalam band 3 hingga 6. Untuk 2015, program ini akan diperluaskan kepada 529 sekolah lagi untuk meningkatkan keyakinan dan kemahiran murid bertutur dalam bahasa Inggeris . Dalam program ini, kemahiran mendengar dan bertutur diberi penekanan semasa pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi kelas Bahasa Inggeris Tingkatan 1 dan 2.

5. Program Penutur Jati untuk mempertingkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan guru sekolah. Penutur jati bahasa Inggeris (dikenali sebagai mentor) dari luar negara seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia dan New Zealand bertanggungjawab untuk memberi bimbingan dari segi pemantapan pedagogi dan kemahiran bahasa guru.